

30 JAN 2003

Zaharah-Sosial

DASAR SOSIAL NEGARA AKAN DIBENTANG KEPADA KABINET 19 FEB

KUALA LUMPUR, Jan 30 (Bernama) -- Dasar Sosial Negara (DSN) yang akan dibentangkan pada Kabinet pada 19 Feb ini akan menjadi satu dasar bagi menangani masalah sosial secara lebih tersusun, bersepadu dan berkesan, kata Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Beliau berkata dasar berkenaan merupakan "dasar payung" yang merangkumi falsafah dan semua dasar pembangunan sosial dengan berteraskan kepada Perlembagaan, Rukunegara dan Wawasan 2020 serta komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa.

"Dasar Sosial Negara ini memberi panduan bagi pelaksanaan dan pengurusan pembangunan sosial supaya setanding dengan pembangunan ekonomi untuk menghasilkan suatu kemajuan masyarakat yang mantap dan seimbang," katanya pada sidang media selepas merasmikan perhimpunan awal tahun 2003 dan melancarkan logo kementerian, di sini hari ini.

Beliau yakin penggubalan DSN, yang dilakukan sejak akhir 1999 itu dan telah ditimbang serta dilulus oleh Jawatankuasa Kabinet Bagi Membanteras Masalah-masalah Sosial tahun lepas, akan dipersetujui Kabinet tanpa masalah kerana ia telah diperhalusi pada setiap peringkat dan dibincangkan berulang kali.

"Pada dasarnya, kami menunggu kelulusan rasmi Kabinet mengenai DSN. Segala persiapan untuk tindakan di setiap peringkat telah dilakukan termasuk di negeri dan daerah telah sedia," katanya.

Dr Siti Zaharah berkata pelaksanaan DSN akan dilakukan sebaik sahaja diluluskan Kabinet.

Bagi merealisasikan DSN, satu jentera penyelarasan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang diterajui Majlis Sosial Negara akan dibentuk.

Katanya majlis itu, yang akan dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyelaras perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program pembangunan sosial di setiap peringkat secara bersepadu.

"Penglibatan semua pihak iaitu kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGOs) dan swasta merupakan pendekatan yang diberi keutamaan untuk menangani masalah sosial secara lebih spesifik dan menjalankan program dengan lebih fokus, bersepadu dan bersemuka dan dianjurkan bersama agensi kerajaan lain dengan tumpuan kepada masyarakat," katanya.

Siti Zaharah menjangkakan menerusi DSN, jika diterima dengan baik oleh semua pihak, akan menjadi satu kaedah dan garis panduan bagi menangani dan menyelesaikan masalah sosial secara multi-sektoral.

Pada masa ini, tindakan untuk menangani masalah sosial lebih banyak dilakukan secara bersendirian berdasarkan sektor dan agensi.

Dengan menjadikan kementerian sebagai penggerak utama dan agensi lain sebagai penggerak sekunder, beliau berkata jentera penyelarasan akan dapat mengenal pasti aspek sosial lain yang tertinggal serta isu-isu yang tidak ditangani.

"Kita akan kenal pasti dan menangani isu-isu sosial berdasarkan kepada empat pendekatan pembangunan sosial iaitu penggalakkan, pencegahan, pencelahan dan pemulihan," katanya.

Dalam ucapannya sebelum itu, Siti Zaharah berkata kementerian berazam untuk meningkatkan mutu kerja dan kualiti perkhidmatan kepada kumpulan sasaran supaya dapat menangani segala cabaran yang dihadapi hasil proses globalisasi, liberalisasi serta perkembangan pesat teknologi maklumat.

"Setiap warga kementerian harus memahami visi, misi dan objektif kementerian serta menghayati peranan masing-masing, di samping bertindak secara strategik berikutan sumber yang amat terhad dan agensi serta NGOs sedia mengambil alih tanggungjawab jika kita tidak berupaya melakukannya," katanya.

Sambil menekankan tumpuan kepada tiga perkara utama kementerian tahun ini iaitu pembangunan sosial, perpaduan negara dan kanak-kanak, beliau berkata semua warga kementerian dan jabatan perlu menumpukan perhatian kepada pentingnya sesuatu program dan aktiviti, dengan meneliti kepada pengisian dan kemapanan program serta impak.

Dengan peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak RM443 juta berbanding RM233 juta tahun lepas, beliau berkata kementerian dan agensinya perlu merancang dan melaksanakan program mengikut jadual untuk membawa faedah yang maksimum.

"Usaha kita pada tahun lepas tidak banyak menghasilkan kejayaan kerana cadangan-cadangan perlu mendapat kelulusan agensi-agensi pusat yang telah banyak mengambil masa," katanya.

Siti Zaharah berharap logo baru kementerian bertemakan "Kesejahteraan Sosial Teras Perpaduan" akan dapat memberi suntikan semangat baru kepada semua warga kementerian.

Beliau turut menasihatkan warga kerja kementerian supaya meningkatkan kemahiran sosial dan ilmu pengetahuan terutamanya dengan mengikuti perkembangan semasa seperti globalisasi dan keganasan kerana dua perkara itu membawa kepada limpahan masalah sosial yang boleh menjejaskan daya saing negara.

-- BERNAMA  
HS MFJ LAT